

SĒBAB



Sa-naskhah 50 sen

KERANA

# HARIMAU

Di-padankan dari Cherita Hindustan

楊貴瓚珍著  
Aulab si Yang Quee Yee

oleh

EDRUS



YANG QUEE YEE

*Di-chitak dan di-terbitkan  
oleh:*



356 & 358, GEYLANG ROAD,  
SINGAPORE 14.



Pada suatu malam awan mēndong yang hitam kēlihatan. Chuacha sa-makin gēlap. Tidak lama antara-nya kilat kēlihatan sabong mēnyabong. Ini mēnjadikan kēadaan mēndahshatkan. Ini bērtambah lagi dēngan guroh di-langit yang bērbunyi sa-akan2 mēmbēlah bumi. Tidak lama antara-nya ribut taufan pun turun dēngan kuat-nya. Ribut turun ini di-sēr-tai pula oleh hujan yang sangat lēbat-nya. Kēadaan pada masa itu sangat2 gēlap-nya. Sa-kali-sakala kēadaan mēnjadi tērang di-sēbabkan oleh kilat yang sangat dahshat kēadaan-nya.

Sēgala makhluk Allah kētakutan. Binatang2 di-hutan, kēchil bēsar, hati-nya sēmua-nya kunchup. Masing mēreka mēnchari tēmpat bērtēdoh dan bērlindong. Burong kēlihatan mēnyē-

lit2, di-těpi dahan2 kayu — bėrhempet2  
mėmanaskan diri mėreka.

Harimau, raja hutan yang gagah itu pun mėnchari pula těmpat bėrlindung. Ia pėrgi ka-těpi dinding rumah sa-orang pėrėmpuan. Pėrėmpuan itu hidup-nya sangat miskin. Pondok-nya tėrlampau sangat burok-nya. Pondok ini mėnunggu sahaja masa-nya akan roboh. Kalau dudok di-dalam-nya mėngadah ka-atas — atap-nya bėrbintang2. Banyak bėnar bochor-nya atap rumah-nya itu.

Pėrėmpuan itu tidak dapat sėnang pada masa hujan itu. Ia tėrpaksa bėrkėmas ka-sana sini — mėlėpaskan daripada barang2 itu kėna ayer hujan. Ka-kanan ka-kiri di-aleh-nya barang2-nya mėlėpaskan daripada těmpat yang bochor. Ma'alum-lah pėrėmpuan — sambil bėkėrja mulut-nya sambil bėrleter. Kata-nya:

"Adoh! Adoh! Payah hidup. Jangan2 pula atap ini roboh, jatuh ka-bawah sĕmua-nya. Sa-kira-nya gajah, singa atau harimau datang ka-mari tidak-lah aku takut. Aku takut bĕnar kapada si-panjang kaki itu."

Ia tĕrus juga bĕkĕrja mĕmindahkan barang2 ka-sana ka-mari. Di-mana2 tĕmpat yang kĕ-ring di-lĕtakkan-nya barang2 di-sana.

Pada masa itu harimau mĕrengkok di-luar, di-tĕpi dinding, bĕrlindong. Ia pun kĕsĕjokan di-buat oleh hujan dan ribut yang kuat itu. Mĕndĕngar pĕrkataan pĕrĕmpuan itu, ia bĕrfikir di-dalam hati-nya:

"Nenek itu tidak takut kapada gajah, kapada singa atau kapada harimau. Tĕtapi ia sangat ngĕri dan takut kapada "si-panjang kaki". Apa-kah gĕrangan-nya "si-panjang kaki" itu. Ini tĕntu tĕrlampau hebat!"

Ia mēndēngar suara riuh di-dalam pondok itu. Suara itu tidak lain daripada pērbuatan gadoh bēnar bunyi-nya! Barangkali itu-lah dia "si-panjang kaki!"

Harimau itu sēdang bērfikir2. Ia bērkata2 sa-orang diri mēlihat kēbēranian pērēmpuan itu. Pada masa itu sa-orang tukang pēmbuat bēlanga datang. Di-dalam hujan ribut dan taufan itu ia datang mēnchari kaldai. Kaldai-nya tēlah tērlēpas.

Pada masa itu hari tērlampau sējok. Tukang bēlanga itu masa itu tēlah tērlampau banyak makan tuak. Ia mabok bēnar.

Di-dalam cahaya kilat yang mēmanchar2 ia mēlihat sa-ekor binatang tidor. Binatang itu tidor di-tēpi pondok pērēmpuan itu. Ia mēnyangka binatang itu tēntu-lah kaldai-nya yang lari itu.



Telinga harimau itu terus di-tangkap-nya.



Děngan tidak bėrfikir panjang ia bėrkėjar mėnuju binatang itu. Ia tėrus mėnuju kapada harimau itu. Tėlinga harimau itu tėrus di-tangkap-nya. Harimau itu di-pukul-nya, di-tėndang-nya dan di-maki2-nya sa-puas2 hati-nya.

"Binatang sial, binatang chėlaka" — katanya, "susah payah malam2 buta ěngkau buat aku, ya! Dalam malam gėlap gulita, ěngkau suroh aku bėrlari2 mėnchari ěngkau. Dalam hujan lėbat bagini aku tėrpaksa kėluar mėnchari ěngkau! Lėkas bangun! Lėkas! Kalau ěngkau tidak mahu aku patah2kan tulang ěngkau."

Binatang harimau itu di-maki hamun-nya, di-tėndang dan di-pukul-nya dėngan sa-kuat2 hati-nya. Ia bėrbuat bagitu tidak bėrhėnti2-nya kėrana ia tėrsangat marah sa-hingga sapėrti laku orang yang tėlah gėlap mata.

Mėlihat pėrbuatan itu, harimau itu tėrkėjut. Ia tidak mėngėrti apa-kah bala' yang tėlah mė-

nimpa-nya. Ia jadi sangat ketakutan dan berkata: "Mati aku sa-kali ini! Ini barangkali si panjang kaki itu. Patut-lah perempuan itu berkata ia lebih takut kapada-nya daripada gajah, singa atau harimau sa-kali pun. Adoh! Sakit benar aku di-pukul-nya."

Sa-telah tukang belanga itu memukul sa-puas2-nya harimau itu di-paksa-nya bangun. Harimau itu di-tunggang-nya. Di-tengah jalan harimau itu tidak berhenti2 di-pukul dan tendang-nya. Maki hamun-nya pun tidak putus2 di-buat-nya. Pada sangka-nya yang di-pukul di-tunggang itu ada-lah kaldai. Sa-telah ia sampai di-rumah-nya kepala harimau itu di-ikat-nya kapada kedua2 kaki depannya. Kemudian harimau itu di-tambat-nya di-depan rumah-nya. Sa-telah leteh ia pun terus bangun masok tidor.

Esok pagi-nya istri tukang belanga itu, da melihat keluar rumah-nya dari jendela. Ia

tĕrkĕjut dan hairan mĕlihat harimau tĕrtambat di-hadapan rumah-nya. Tĕmpat ini ia-lah tĕmpat suami-nya biasa mĕnambat kaldai-nya. Ia bĕrlari2 mĕmbangunkan suami-nya. Ia bĕrtanya: "Bang! binatang apa pula yang abang bawa balek sa-malam?"

"Binatang apa lagi, kalau bukan kaldai itu", sahut suami-nya.

"Mari jĕngok", kata istĕri-nya mĕngajak suami-nya mĕlihat dari jĕndela itu. Ia mĕlihat apa dia sĕkarang yang tĕrtambat pada tiang itu.

Tukang bĕlanga itu mĕnjĕngok. Ia mĕlihat kapada binatang itu. Bĕtul di-lihat-nya harimau yang bĕrtambat. Ia tidak kurang hairan-nya daripada istĕri-nya mĕlihat kĕjadian itu. Di-pĕreksa-nya badan-nya kalau2 ada bĕkas bĕrdarah atau luka kĕna chakar atau kĕna gigit

harimau itu. Tetapi untong tidak ada sedikit pun di-rasa-nya ada chachat pada tuboh-nya. Sédang harimau itu nyata bēnar tēlah di-tambot dan di-ikat saperti yang di-buat-nya malam itu.

Tukang bēlanga mēnangkap harimau itu tēlah di-kētahui orang. Khabar ini tēlah hebah dari mulut ka-mulut. Akhir-nya khabar itu di-kētahui orang di-saluroh kampong. Orang bē-ramai2 hēndak mēndēngar chērita-nya. Orang hēndak tahu bagaimana kesah-nya ia mēnjalan-kan kērja yang bēsar itu.

Orang kampong bērasa 'ajaib bēnar kapada pērbuatan itu. Kawan2-nya bērasa ini ada-lah suatu pēkērjaan yang gagah dan luar biasa. Mēreka lalu mēmbuat surat kapada raja. Surat itu di-hantarkan oleh utusan mēreka. Surat itu mēngandongi chērita bagaimana tukang bēlanga tēlah mēnangkap harimau dēngan sa-orang diri-nya itu. Ia tidak mēnggunakan sēn-



jata. Ia telah menambat harimau yang buas itu di-sabatang kayu di-hadapan rumah-nya.

Apabila surat dan utusan sampai di-hadapan raja, surat di-sembahkan. Apabila raja membaca kandungan surat itu, ia beraso hairan. Ia ingin hendak menyaksikan kejadian luar biasa itu. Ia menyuruh menyiapkan segala kuda dan kereta-nya. Raja berangkat di-iringi oleh punggawa dan orang besar2. Raja berangkat hendak melihat tukang belanga dan harimau di-tangkap itu.

Harimau itu ada-lah sangat besar. Harimau itu ia-lah harimau yang sangat mengganas di-kampung itu. Orang2 kampung selalu benar ketakutan di-buat-nya. Oleh itu perbuatan tukang belanga itu sangat di-hargakan oleh mereka.

Orang2 menerangkan semua-nya itu kepada raja. Raja sangat berkenan dan memuji2 tukang

bělanga itu. Ia di-běri kurnia. Ia bukan-nya sahaja mëndapat kěhormatan dan kěběsaran tětapi di-běri kurnia yang lain. Běběrapa banyak rumah dan tanah sěrtā wang di-kirimkan raja kapada-nya. Wang yang di-kurniakan raja banyak-nya dapat mēměnohi sa-buah sumor. Sa-lain itu ia di-lantek oleh raja jadi pěnggawa běsar dalam istana. Ia di-jadikan panglima měngěpalai sa-banyak sa-puluh ribu orang těntěra běkuda.

\* \* \*

Di-sěmpadan něgěri itu ada sa-buah kěrajaan lain. Raja itu tělāh kěrap kali běrsěliseh děngān raja kěrajaan tukang bělanga tadi. Tidak běrapa lama antara-nya sa-sudah kějadian itu raja yang di-sěmpadan itu tělāh měngishti-harkan pěrāng.

Běrsěrtā děngān khabar itu sampai pula surat běrīta měnyatakan bahawa raja yang

měngishtiharkan pěrang itu tělah mėlěngkapkan bala těntěra-nya yang běsar di-sěmpadan. Těntěra itu pada bila2 sa'at sahaja akan datang měnyěrang.

Orang bingung měmikirkan hal ini. Apa-kah yang městi měreka buat bagi měnghadapì anchaman musoh yang běsar itu. Raja měmanggil sěkalian panglima2-nya. Raja běrtanya siapa-kah sanggup měngětuai angkatan pěrang kěrana mėlawan musoh itu.

Sěkalian měreka měngatakan bahawa bala těntěra tidak siap. Bukan itu sahaja tětapi kěadaan něgěri di-dalam sangat kěkurangan. Kělěngkapan dan běkalan untok pěrang tidak ada. Sěbab itu tidak sa-orang jua pun yang běrani měnjadi kětua pěpěrang.

Měnděngar itu raja jadi bingung měmikirkan. Siapa-kah orang-nya yang patut měngětuai angkatan pěrang-nya. Kětika ia sědang

bingong itu sa-orang di-antara yang hadzir itu bėrkata:

"Baharu2 ini tuanku tėlah mėlantek tukang bėlanga yang gagah bėrani mėnjadi kėtua sė-puluh ribu ashkar bėrkuda. Bagaimana-kah fikiran tuanku sa-kira-nya ia di-lantek mėngėtuai angkatan pėrang kita? Orang yang sa-orang diri-nya mėnangkap, mėngikat dan mėnambat raja hutan yang buas itu pada sa-batang tiang kayu, siapa-kah ada yang lėbeh bėrani daripada-nya. Siapa-kah yang lėbeh chėrdek daripada-nya? Dia-lah yang layak, tuanku!"

"Bėnar juga", titah raja, "Baik-lah dia aku angkat mėnjadi panglima bėsar."

Sa-habis bėrkata itu maka baginda pun mėnghantarkan biduanda (pėsuroh) mėmanggil tukang bėlanga itu. Sa-tiba-nya tukang bėlanga mėnghadap maka baginda bėrtitah:



"Kapada-mu, ku-sěrahkan sěgala kěkuatan dan kělěngkapan kěrajaan kita. Pěrgi-lah usir musuh itu daripada sěmpadan něgěri kita!"

Děngan tidak běrfikir, tukang bělanga itu měnyahut: "Daulat tuanku! mana2 titah patek junjong."

Sa-těrus-nya ia běrkata: "Sa-bělum patek pěrgi měmbawa angkatan pěrang ka-medan pěpěरणan měnghadap musuh itu dan izinkan patek pěrgi dahulu sa-orang diri. Tujuan patek hěndak měngintai běrapa kuat kědudukan musuh. Mudah2an dapat pula patek měngětahui běrapa pula jumlah těntěra-nya dan apa2 kěkuatannya."

Pěrmohonan tukang bělanga itu di-pěrkěnankan baginda. Ia těrus balek měndapatkan istěri-nya. Sa-tiba-nya di-rumah, ia těrus běrkata: "Aku tělaha di-lantek oleh raja měnjadi

panglima bĕsar. Sĕkarang aku bingung mĕmikirkan bagaimana sa-mĕsti-nya aku mĕlakukan-nya. Sa-bagai panglima bĕsar aku mĕsti mĕnunggang kuda di-hadapan sĕmua pasokan. Aku tahu bahawa sa-umor hidup-ku bĕlum pĕnah mĕnchuba dudok di-atas punggung kuda. Untong aku dapat mĕminta tanggoh. Raja mĕngizinkan pĕnanggohan itu. Aku di-izinkan pĕrgi dahulu mĕngintai<sup>2</sup> kĕkuatan bala tĕntĕra musuh. Sĕkarang pĕrgi-lah ĕngkau charikan aku kuda kĕchil yang chantek. ĕngkau sudah tahu aku tidak pandai naik kuda dan pagi<sup>2</sup> esok aku mĕsti pĕrgi."

Tĕtapi sa-bĕlum istĕri-nya kĕluar mĕnchari kuda, raja tĕlah mĕnghantarkan sa-ekor kuda. Kuda hantaran raja itu ada-lah kuda pĕpĕrangan. Kuda itu gagah. Pakaian-nya chantek. Pĕlana-nya di-alas dĕngan kain<sup>2</sup> yang indah. Baginda bĕrpĕsan pula supaya kuda itu di-pakai dalam pĕrjalanan mĕmĕreksa kĕkuatan musuh.

Těrpěranjat bėnar tukang bėlanga itu. Ia hampir2 pengsan. Kuda yang di-kirimkan raja itu sangat gagah dan garang sėrta tangkas. Pada fikiran-nya jika di-chuba-nya naik ka-atas-nya, tėntu ia mėsti jatoh. Sa-balek-nya ia tidak pula bėrani mėnolak kurnia raja. Kalau hadiah raja di-tolak, ia takut kėiak raja akan murka.

Sėbab itu ia bėrpėsan kapada pėmbawa kuda. Ia mėnguchapkan shukor dan tėrima kaseh. Kapada istėri-nya ia bėrkata: "Sėkarang raja tėlah mėngirimkan kuda. Aku tėntu tidak boleh mėnunggang kuda lain. Sėkarang aku mėmikir2 bagaimana aku dapat mėnunggang kuda bėsar yang garang ini?"

"Jangan takut," jawab istėri-nya. "Kakanda naik sahaja. Nanti adinda ikatkan kuat2 supaya kakanda tidak boleh jatoh kalau kakanda bėrjalan dari masa malam, tėntu tidak ada orang mėlihai kakanda di-atas kuda itu."

"Baik-lah", sahut tukang bĕlanga itu.

Apabila hari tĕlah malam maka kuda itu di-bawa oleh istĕri-nya ka-hadapan pintu rumah-nya. Tukang bĕlanga bĕrkata: "Adohai ta' pandai aku naik ka-atas pĕlana itu. Ia sangat tinggi bĕnar."

"Mĕlompat-lah!", kata istĕri-nya.

Tukang bĕlanga mĕlompat bĕrulang2. Tĕtapi tiap2 kali ia jatoh tonggang langgang ka-bawah.

"Wah", kata-nya, "tiap2 kali aku mĕnonggang, aku lupa ka-mana aku mĕsti mĕngadap."

"Kakanda mĕngadap ka-kĕpala kuda-lah", kata istĕri-nya.

"Bĕtul!", kata-nya. Ia sa-kali lagi mĕlompat ka-atas kuda itu. Lompatan-nya sa-kali ini bĕtul2 ia dapat dudok di-atas pĕlana. Tĕtapi



dudok-nya tidak mēngadap kēpala kuda. Ia tēlah mēnghadap ka-ekor kuda.

"Wah! ini gila sangat", kata istēri-nya. Ia tērus mēnurunkan suami-nya dari atas kuda. Ia bērkata: "Chuba-lah kakanda naik baik2 sahaja. Jangan kakanda mēlompat."

Aku sēlalu lupa, kalau kaki yang sa-bēlah ku-taruh ka-tēmpat pēmijak, kaki yang sa-bēlah lagi ka-mana pula ku-lētakkan", kata tukang bēlanga.

"Masokkan ka-tēmpat pēmijak yang sa-bēlah lagi", jawab istēri-nya sambil bērkata pula: "Mari-lah adinda tulong!"

Dalam pada itu, kuda itu sudah lama mēnunggu. Darah-nya dan gaya-nya nampak-nya tēlah jadi gēmbira. Ia tidak jadi bērdiri diam lagi. Ia sēlalu bērgērak2.



Kětika kuda itu bėrlari mėlintas sa-batang  
pohon bėringin muda, ia bėrpėgang kuat2 pada  
pohon itu.

Běrulang2 tukang bėlanga itu naik. Běrulang2 pula ia jatoh. Tětapi akhir-nya dapat juga ia těrduok bėtul di-atas kuda itu.

Baharu sahaja ia dudok, ia bėrtėriak2 kapada istėri-nya, kata-nya: "Lėkas, mari lėkas, ikatkan aku; kalau tidak aku akan těrjatoh ka-bawah sa-mula."

Istėri-nya dėngan sėgėra mėngambil tali yang kuat. Kėdua2 kaki suami-nya di-ikat-nya pada pėmijak pėlana. Kėmudian kėdua2 tēm-pat pėmijak di-sabėlah mėnyėbėlah itu di-ikat-nya kėdua2-nya dari bawah pėrut kuda itu. Kėmudian tali itu di-lilitkan-nya ka-pinggang suami-nya sa-hingga ka-leher-nya, lalu lubang tali itu di-ikat-nya ka-badan kuda, ka-leher dan kapada ekor-nya.

Kuda itu apabila mėrasa tali itu tėlah mėlilit badan-nya, ia jadi bingung. Ia ta' dapat

mēmikirkan apa-kah jēnis pēnunggang ini. Ia mēnērjang undor ka-bēlakang, mēnēndang dan mēlompat<sup>2</sup>. Akhir-nya ia lari dēngan pantas dan lurus. Kuda itu bērlari sangat kuat-nya. Padang dan ladang di-lalu-nya dēngan tidak dapat di-tahan oleh apa jua pun.

Tukang bēlanga itu maseh bērtēriak, kata-nya: "Hai! tangan-ku tidak ēngkau ikatkan!".

Istēri-nya mēnyahut: "Ta' mēngapa bērpēgang sahaja kapada bulu tēngkok-nya!"

Tukang bēlanga itu pun bērpēgang-lah kapada tēngkok kuda itu dēngan sa-kuat<sup>2</sup> tēnaga-nya. Kuda itu lari-lah dēngan sa-kuat<sup>2</sup>-nya tidak bērhēnti-nya. Pagar dan parit, bahkan sungai pun di-lompatī oleh-nya. Tanah padang di-sēbērangi-nya dēngan lari-nya sa-kuat kilat. Ia bērbelok ka-mari bērputar ka-sana —

běrlari sa-kuat2-nya, tidak bėrhěnti sampai kapada těmpat bala těntěra musoh.

Tukang bėlanga tidak bėrasa sėdap hati-nya di-larikan kuda itu. Apabila di-lihat-nya ka-mana kuda itu mėmbawa-nya, bėrtambah2 tidak sėdap hati-nya. Fikiran-nya těntu ia akan di-tětak oleh musoh. Kalau sudah di-tangkap těntu ia mati di-bunoh.

Walau bagaimana pun ia mėsti bėrikhtiar mėlěpaskan diri-nya. Kětika kuda itu bėrlari mėlintas sa-batang pohon bėringin muda, ia bėrpėgang kuat2 kapada pohon itu. Pėrbuatannya itu di-harap-nya supaya tali yang mėngikat-nya kapada kuda-nya itu putus. Tětapi kuda itu sangat dėras lari-nya. Tanah těmpat pohon bėringin tumbuh itu tidak pula bėrapa kėras. Kětika tukang bėlanga bėrpėgang kapada pohon ia sėdang di-larikan oleh kuda-nya. Pohon itu



tērchabut dēngan urat dan akar2-nya sa-kali. Tukang bēlanga yang sēdang mēmēgang pohon di-tangan-nya itu tērus di-larikan oleh kuda-nya.

Ada pun sēgala bala tētēra musuh itu mēlihat kēdatangan-nya. Tērdahulu mēreka tēlah mēndēngar bahawa bala tētēra akan datang mēmērangi mēreka. Pada fikiran mēreka tētū-lah tukang bēlanga itu pērmulaan atau pēndahuluan bala tētēra yang datang itu. Mēreka bērsēru: "Tengok, itu datang sa-orang yang gagah dan bēsar mēnunggang kuda yang sangat kuat! Ia mēmachu kuda-nya mēmutus mēlalui tēngah2 padang dan dēngan kēbuasan-nya pohon2 kayu di-jalan di-chabut-nya. Dia sa-orang daripada bala tētēra lawan kita. Bala tētēra itu tētū sudah dēkat. Jika tētēra-nya sēmua-nya macham orang ini, mati kita kēlak di-buat-nya."

Mēreka bērlari2 mēndapatkan raja-nya. Pada masa itu bēbērapa orang tēlah bērtēriak2

běrsěru: "Musoh sudah datang! Musoh sudah datang! Orang-nya běsar2. Měreka měnunggang kuda yang těrliampau kuat. Orang iitu sambil mēiarikan kuda-nya mēnchabut pohon kayu yang těrletak di-jalan-nya."

Dēmikian-lah khabar itu tělāh mērebak di-antara pasokan2 těntěra itu. Bahkan tělāh di-lěbeh2kan lagi. "Kita kuat dan běrani mėlawan musoh. Tětapi bagaimana kita akan mėlawan raksaksa sa-macham ini."

Orang lain sěgěra pula běrsěru: Běnar! Běnar! Běnar sunggoh!"

Tukang bēianga sudah hampir běnar kapada mēreka. Ashkar2 iitu pun běrtěriak: "Ini musoh sudah datang! Mari kita lari! Lėkas lari! Siapa hěndak sėlamat mēsti lari! lari!"

Kětakutan dan kědahshatan itu tělāh mērebak. Těntěra itu sudah jadi kėlām-kabut dan

kětakutan. Sēmua-nya hëndak lari sahaja. Měreka mēmaksa raja-nya mēnulis surat kapada raja yang hëndak di-langgar itu. Raja di-suroh mēnulis bahawa mēreka tidak jadi hëndak bērpērang. Ia mēnērangkan pula akan patoh kapada syarat2 janji bērdamai dan mēmbuat syarat damai itu dēngan mēmbuboh tanda tangan sa-kali. Sa-těläh itu bala tētēra musuh itu lari-lah sēmua-nya.

Baharu sahaja mēreka lari, tukang bēlanga itu sampai kapada tēmpat tētēra itu, di-bawa oleh kuda-nya. Pada masa itu ia tēlah sa-tēngah nyawa kērana tēlah tērlampau lēteh. Tētapi walau pun bagitu ia maseh juga mēmēgang pokok bēringin itu.

Pada sa'at itu kēbētulan tali2 pēngikat-nya kapada kuda itu putus. Kērana itu ia pun jatoh lah ka-bawah.



Besok pagi-nya tukang bĕlanga itu pun  
mĕnghadap raja.

Kuda itu pun tĕlah lĕteh pula kĕrana tĕrsangat bĕrlari itu. Tatkala tukang bĕlanga itu sĕdar akan diri-nya, ia hairan mĕlihat tĕmpat pĕrkhemahan musuh itu tĕlah kosong dan di-tinggalkan. Di-situ maseh tĕrtinggal pĕnoh sĕnjata2 yang indah2, pakaian dan barang2 pĕrhiasan.

Lain daripada itu di-dalam khemah yang tĕrbĕsar di-situ ia-itu khemah raja musuh, di-dapati-nya sa-puchok surat yang di-'alamatkan kapada raja-nya. Surat itu mĕnyatakan bahwa bala tĕntĕra itu tĕlah undor dan mĕnyampaikan janji2 damai.

Surat itu di-ambil-nya. Ia bĕrsĕgĕra bĕrjalan balek. Kuda itu di-tuntun-nya sĕbab ia tidak bĕrani mĕnaiki-nya sa-kali lagi. Ia tidak lama bĕrjalan itu ia pun sampai. Jalan balek ia tidak bĕrapa jauh. Pĕrjalanan bĕrkuda



pěrmulaan itu bėrbelok2 agak jauh daripada jalan yang pėrlu.

Kėtika itu hari sudah dėkat hėndak malam, ia pun sampai di-rumah-nya. Istėri-nya bėrlari2 mėnyongsong suami-nya dėngan sangat suka-chita kėrana ia lėkas balek.

Apabila tėrlihat sahaja kapada istėri-nya ia pun bėrkata: "Wah dek! sėmėnjak kita bėrchėrai, aku tėlah bėrjalan kėliling dunia. Bėr-bagai2 pula pėrkara2 'ajaib dan dahshat2 aku jumpai. Sėmua-nya tidak mustahak di-fikirkan sėkarang. Yang pėrlu biar-lah sėgėra suroh orang mėmbawa surat ini kapada raja. Bėsėrta itu kirimkan pula kuda yang di-gunakan baginda untok aku pakai itu. Nanti di-lihat-nya kuda itu lėteh. Baginda nanti faham bahawa aku tėlah jauh bėrjalan. Mustahak bėnar kuda itu di-kirimkan dari sėkarang. Aku tidak pėrlu

měnunggang-nya ka-istana pagi esok. Kalau aku měnunggang kuda chuma2 sahaja aku jatoh."

Istěri-nya pun měngirimkan surat dan kuda itu kapada raja. Ia měminta pula di-sampaikan bahawa suami-nya esok pagi akan datang měnghadap ka-istana. Ia ta' dapat datang sěkarang kěrana hari tělah malam.

Esok pagi2 lagi tukang bělanga pyn datang měngadap raja. Ia běrjalan kaki sahaja. Orang2 yang mělihat kědatangan-nya běkata: "Orang ini sungguh gagah běrani, sěrtā běr'adab pula. Sa-tělah měnghalau bala těntěra musuh děngan sa-orang diri-nya sahaja, sěkarang ia mahu běrjalan kaki sampai ka-pintu istana. Sa-kira-nya orang lain běrjaya sapěrti dia, těntu ia hěndak di-arak běkuda děngan upacara ka-istana."

Tidak sa-orang yang dapat mēnyangka bahawa ia bējalan kaki mēnghadap raja itu kērana takut mēnunggang kuda.

Raja sēndiri datang dan turun ka-pintu istana mēnyambut kēdatangan-nya. Ia di-sambut oleh raja dēngan sēgala hormat. Pērdamaian tējadi di-antara dua buah kērajaan itu mēngikut janji yang di-sampaikan oleh raja musuh itu. Tukang bēlanga mēndapat kurnia atas jasa-nya dēngan sa-chukup-nya. Harta yang di-bērikan bērlipat ganda daripada yang sudah<sup>2</sup> dan pangkat-nya di-naikkan. Hidup-lah ia dēngan sēlamat dan sējahtēra sa-hingga akhir hayat-nya.

